

Permohonan Kelulusan Pelan Bangunan Industri

1. Permohonan kelulusan Pelan Bangunan Industri

Pembangunan industri hanya dibenarkan ditapak industri yang telah dizon dan diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

2. Dokumen yang perlu dikemukakan

Dokumen-dokumen yang perlu dikemukakan kepada Majlis Perbandaran Bentong seperti berikut:

- Borang A - 1 salinan
- Surat daripada pemohon - 1 salinan
- Pelan bangunan - 12 set (dgn 1 linen diwarnakan)
- Pelan rajah paip sanitari dalaman - 4 set (dengan 1 linen diwarnakan)
- Pelan rajah paip bekalan air - 4 set (dengan 1 linen diwarnakan)
- Pelan aras tapak - 7 salinan (dengan 1 linen)
- Pelan dan kiraan struktur bangunan - 2 set
- Surat hakmilik tanah - 4 salinan
- Resit bayaran cukai tanah - 4 salinan
- Resit bayaran cukai tanah kosong - 4 salinan

3. Penyediaan pelan bangunan oleh orang berkelayakan

Pelan-pelan bangunan hendaklah disedia dan disahkan oleh Jurutera Profesional yang berdaftar dengan Lembaga Jurutera Malaysia atau Arkitek yang berdaftar dengan Lembaga Arkitek Malaysia.

4. Ciri-ciri pelan bangunan

- Ruangan `Title Block`
- Pelan kunci
- Pelan Lokasi
- Pelan tampak
- Pelan bumbung
- Pelan keratan
- Tembok penahan (jika ada)
- Sistem sanitari bangunan

5. Ulasan Jabatan Teknikal

Semua pelan akan dikemukakan kepada Jabatan Teknikal untuk mendapatkan pandangan, ulasan dan komen. Jabatan Teknikal yang dirujuk adalah:

- Jabatan Perancang Bandar dan Desa
- Jabatan Alam Sekitar
- Jabatan Kerja Raya
- Jabatan Pengairan dan Saliran
- Jabatan Bekalan Air
- Jabatan Perkhidmatan Bomba
- Jabatan Perkhidmatan Pambetungan
- Tenaga Nasional Berhad
- Telekom Malaysia
- Pejabat Tanah Daerah

6. Fee pemerosesan pelan

Semua permohonan kelulusan pelan susunatur akan dikenakan fee pemerosesan pelan yang dikira mengikut Jadual Pertama Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (UBBL) 1984. Bil tuntutan akan dikemukakan kepada pemaju/pemohon dan perlu dijelaskan dalam tempoh empatbelas (14) hari dari tarikh surat dihantar.

7. Permohonan kebenaran memulakan kerja pembinaan bangunan

- Pemohon/pekilang boleh mengemukakan permohonan memulakan kerja pembinaan bangunan sebelum pelan bangunan diluluskan.
- Satu mesyuarat Khas Pelarasan Jabatan Teknikal akan ditetapkan selapas 14 hari permohonan diterima untuk pertimbangan. Mesyuarat akan diselaraskan bersama dengan Pengurus Pembangunan Industri PKNP selaku badan penyelaras industri negeri.
- Mesyuarat mengemukakan syor dan keputusan muktamad bagi kebenaran memulakan kerja pembinaan tertakluk kepada kuasa Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Bentong.

8. Tindakan kelulusan

Kelulusan akan dipertimbangkan setelah :

- Mendapat sokongan Jabatan Teknikal.
- Pelan-pelan telah dipinda mengikut pandangan/ulasan Jabatan Teknikal dan kehendak Majlis.

9. Proses kelulusan pelan bangunan

- Satu kertas kerja akan dibentangkan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Dan Teknikal yang bersidang pada setiap bulan untuk pertimbangan.
- Keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa adalah muktamad.
- Pelan bangunan hendaklah diluluskan sebelum kerja-kerja pembinaan siap sepenuhnya. Sebarang perubahan kepada pelan cadangan semasa kerja-kerja dijalankan hendaklah dimaklumkan kepada Majlis.

10. Penyediaan kelulusan

- Pelan cadangan yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa akan dicop kelulusan untuk diperakukan oleh Yang Dipertua.
- Sebanyak dua (2) set pelan cadangan yang telah diluluskan akan dikembalikan kepada pihak pemohon untuk simpanan.
- Salinan tambahan boleh dibuat dengan dikenakan bayaran sebanyak RM 50.00 bagi setiap set.
- Kelulusan pelan bangunan akan disertakan dengan surat kelulusan yang mengandungi semua syarat Jabatan Teknikal dan syarat-syarat am Majlis.

11. Kelulusan lain dari Jabatan Alam Sekitar

- Laporan EIA
- Kelulusan Bertulis (KB) Jabatan Alam Sekitar.
- Pelan berhubung sistem rawatan sisa toksid dan pengolahan bahan kimia.
- Penggunaan bahan, operasi dan proses.

Pihak perunding dan pekilang adalah bertanggungjawab untuk berurusan terus dengan Jabatan Alam Sekitar sehingga kelulusan dikeluarkan oleh Jabatan berkenaan.